



**LABUAN FINANCIAL SERVICES AUTHORITY
(LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN)**

TAWARAN SEBUT HARGA

UNTUK

**KERJA-KERJA BAIK PULIH SILING DAN DINDING DI PEJABAT
LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN (LABUAN FSA)**

DISEDIAKAN OLEH:

BAHAGIAN PEROLEHAN

UNIT PENGURUSAN FASILITI

LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN

TINGKAT 17, MENARA UTAMA, UJANA KEWANGAN

87000 LABUAN

TEL: 03-8873 2000

FAX: 03-8873 2099

DATE: 5 FEBRUARY 2025

RFQ NUMBER: RFQ 25/0014

SENARAI SEMAK DOKUMEN

Sila tandakan (/) bagi dokumen-dokumen yang disertakan:

Bil	Perkara/Dokumen	Untuk ditanda oleh Syarikat	Untuk ditanda oleh Labuan FSA
1.	Salinan Siji Pendaftaran CIDB/Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)		
2.	Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat		
3.	Borang Integriti yang telah diisi dengan lengkap dan ditandatangani		
4.	Profil Syarikat		
5.	Katalog cat		
6.	Tawaran harga yang terperinci		
7.	Lain-lain dokumen sokongan (sekiranya ada)		

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan dalam dokumen Tawaran Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Tarikh :

Cop Rasmi :

UNTUK KEGUNAAN LABUAN FSA

Bahagian Perolehan, Unit Pengurusan Fasiliti mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil (jika ada).

Tandatangan :

Nama :

Tarikh :

Tandatangan :

Nama :

Tarikh :

1.0 PERIHAL SEBUT HARGA

- 1.1 Tawaran Sebut Harga ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berkelayakan bagi menyertai tawaran sebut harga ini. Perihal maklumat Tawaran Sebut Harga adalah seperti berikut:

Nombor Sebut Harga	Perihal Kerja	Tarikh Tutup dan Serahan Dokumen Sebut Harga
RFQ 25/0014	Kerja-kerja Baik Pulih Siling dan Dinding di Pejabat Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA)	14 Februari 2025, sebelum jam 4.00 petang Labuan FSA, Tingkat 17, Menara Utama, Ujana Kewangan, 87000 WP Labuan

- 1.2 Semua yang hendak menyertai Tawaran Sebut Harga ini terlebih dahulu berdaftar Syarikat dengan CIDB atau Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang-bidang yang berkaitan, serta mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK). Syarikat hendaklah mempunyai keupayaan dan kepakaran untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut.
- 1.3 Dokumen sebut harga hendaklah diserahkan melalui serahan tangan atau pos atau emel sebelum/pada **14 Februari 2025** ke alamat berikut:

Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan
Tingkat 17, Menara Utama
Ujana Kewangan
Jalan Merdeka
87000 WP Labuan
(U/P: Ketua, Unit Pengurusan Fasiliti)

Email : procurement@labuanfsa.gov.my

- 1.4 Adalah tanggungjawab Syarikat untuk membaca, memahami dan bersetuju dengan semua terma dan syarat di dalam tawaran sebut harga ini. Dengan mengambil bahagian atau mengemukakan dokumen sebut harga, Syarikat akan dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan semua terma dan syarat di dalam tawaran ini.
- 1.5 Labuan FSA tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kelewatan dalam penghantaran sebut harga. Bukti penghantaran tidak akan diterima sebagai bukti penghantaran sebut harga.
- 1.6 Labuan FSA berhak untuk menamatkan proses perolehan pada bila-bila masa sebelum pemberian kontrak. Labuan FSA juga tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

2.0 DOKUMEN-DOKUMEN PENTING

- 2.1 Kontraktor dikehendaki menandatangani Borang Pengisytiharan yang dilampirkan dalam Lampiran. Borang yang telah ditandatangani mesti diserahkan Bersama dokumen sebut harga.
- 2.1.1 Pembelian barang-barang atau perkhidmatan:
Kesemua Syarikat yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani Borang Akuan Pembida. Dengan menandatangani borang akuan ini, Syarikat tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak kerja. Sila rujuk **Lampiran A**.
- 2.1.2 Perkhidmatan Perunding SAHAJA:
Syarikat yang menawarkan perkhidmatan perunding hendaklah menandatangani Borang Pengisytiharan Kepentingan oleh Perunding. Sila rujuk **Lampiran B**.
- 2.1.3 Konflik Kepentingan:
Syarikat dikehendaki mengisytiharkan sebarang konflik kepentingan yang mungkin atau akan timbul berhubung dengan kerja-kerja yang ditawarkan di dalam dokumen sebut harga ini. Sekiranya terdapat konflik kepentingan, Syarikat hendaklah memaklumkan kepada Labuan FSA tentang konflik itu secara bertulis dengan kadar segera. Sila rujuk **Lampiran C**.
- 2.1.4 Persetujuan Perlindungan Data Peribadi (PDPA) untuk Pembekal/ Perunding/ Kontraktor:
Selaras dengan seksyen 6(1) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, dengan mengambil bahagian dalam tawaran tender ini, Syarikat dengan ini bersetuju bahawa Labuan FSA boleh mengumpul, mendapatkan, menyimpan dan memproses data peribadi Syarikat untuk tujuan proses pemilihan dan penilaian. Sila rujuk **Lampiran D**.
- 2.1.5 Pengisytiharan Litigasi
Syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran sebut harga ini hendaklah mempunyai keupayaan untuk menyertai tawaran tender ini. Sila rujuk **Lampiran E**.
- 2.1.6 Whistleblowing Guidelines untuk Pembekal/Perunding/Kontraktor:
Labuan FSA mematuhi *Integrity Pact* yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia di dalam Perolehan Kerajaan. Semua Syarikat diingatkan supaya tidak terlibat dalam sebarang tindakan rasuah berhubung perolehan ini. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawarkan, memberi, meminta, atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada atau daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini adalah satu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Sila rujuk **Lampiran F**.

2.1.7 Garis Panduan mengenai Etika Berpakaian:

Syarikat hendaklah mematuhi etika berpakaian di Labuan FSA dan hendaklah mematuhi garis panduan seperti yang terdapat di dalam Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan Malaysia (OSHA). Sila rujuk **Lampiran G**.

3.0 LATAR BELAKANG PROJEK

- 3.1 Labuan FSA merupakan sebuah badan berkanun yang bertanggungjawab membangunkan dan mentadbir Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC). Objektif utama Labuan FSA adalah untuk:
- Mempromosikan dan membangunkan Labuan sebagai pusat antarabangsa untuk perkhidmatan perniagaan dan kewangan;
 - Membangunkan objektif, dasar dan keutamaan negara untuk pembangunan teratur dan pentadbiran perniagaan antarabangsa dan perkhidmatan kewangan di Labuan; dan
 - Bertindak sebagai pihak berkuasa kawal selia, penyeliaan dan penguatkuasaan pusat industri perniagaan dan perkhidmatan kewangan antarabangsa di Labuan.
- 3.2 Labuan FSA merancang membaik pulih siling dan dinding di Pejabat Labuan FSA. Oleh itu, Labuan FSA sedang mencari kontraktor yang layak bagi menjalankan kerja-kerja ubahsuai tersebut.

4.0 TAWARAN SEBUT HARGA

- 4.1 Harga yang ditawarkan hendaklah di dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan Syarikat hendaklah sentiasa mematuhi harga yang ditawarkan.
- 4.2 Harga yang ditawarkan hendaklah merangkumi pecahan kos terperinci termasuk cukai, kos pengangkutan, duti bayaran dan lain-lain caj yang perlu dan berkaitan dengan projek ini. Ini termasuk perbelanjaan luar poket (**tidak lebih daripada 7% atau 10% dari jumlah keseluruhan projek**).
- 4.3 Syarikat hendaklah menanggung kos insuran seperti Insuran Liabiliti Awam dan Insuran Kerja bagi tempoh pelaksanaan kerja ini, dan insuran barangan, sekiranya ada.
- 4.4 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah tender atau dalam tempoh kerja.

5.0 SKOP PERKHIDMATAN

- 5.1 Merangkumi kerja-kerja penyediaan awal, bekalan bahan dan peralatan, pengangkutan, kos tenaga buruh dan juga lain-lain kerja berkaitan.
- 5.2 Syarikat hendaklah membuat pemeriksaan teliti dengan mengenalpasti barang-barang serta kelengkapan baru yang perlu disediakan bagi baik pulih.
- 5.3 Spesifikasi teknikal adalah seperti Bills of Quantity (BQ) di bawah. Adalah penting dan perlu dibaca, dan difahami seperti mana yang diminta. Kegagalan memahami serta menguruskannya dengan tidak betul boleh mencacatkan dan menggagalkan tawaran sebut harga ini.

1.0 Kerja-Kerja Permulaan

Bil	Butiran Kerja	Kuantiti
1.1	Kerja-Kerja Pembersihan Tapak (sebelum dan selesai kerja).	L/S
1.2	Kerja-Kerja menyediakan segala peralaaan dan tenaga kerja mahir, dan pengangkutan bagi melaksanakan kerja-kerja meroboh, membina dan lain-lain kerja mengikut spesifikasi yang ditetapkan.	L/S
1.3	Lain-lain kerja yang diperlukan.	L/S

2.0 Kerja-Kerja Kemas Siling

Bil	Butiran Kerja	Kuantiti
2.1	Membaik pulih siling sedia ada jenis <i>plaster siling</i> . Ini termasuk peralatan dan bahan yang diperlukan bagi kerja baik pulih tersebut.	L/S
2.2	Kerja-Kerja mengecat permukaan siling dengan menggunakan cat putih jenis emulsi, dengan sapuan 2 lapis, kalis air dengan jaminan ketahanan cat selama 5 tahun.	L/S
2.3	Menutup <i>plaster siling</i> dan kerja-kerja kemas.	L/S

3.0 Kerja-Kerja Lantai dan Kemas

Bil	Butiran Kerja	Kuantiti
3.1	Kerja-kerja baik pulih lantai dengan menggunakan bahan kalis air (waterproofing) pada lantai jubin di tandas dan lain-lain kawasan yang ditentukan oleh Labuan FSA, termasuk kerja-kerja kemas.	L/S

4.0 Kerja-Kerja Dinding dan Kemas

Bil	Butiran Kerja	Kuantiti
4.1	Kerja-kerja membaik pulih dinding konkrit dan dinding jenis gymsum. Ini termasuk menggantikan dinding jenis gymsum yang rosak akibat bocor dan menggunakan bahan jenis kalis air (waterproofing) bagi mengelak masalah yang sama berlaku lagi.	L/S
4.2	Kerja-kerja mengecat dinding dengan menggunakan satu lapisan cat undercoat dan dua lapisan cat jenis emulsi kalis air, serta kerja-kerja kemas. Katalog cat hendaklah disertakan.	L/S

6.0 LAWATAN TAPAK

6.1 Pihak Syarikat dikehendaki memeriksa dengan teliti terhadap skop kerja-kerja yang diperlukan dan membuat pengukuran semula sebelum menyertai tawaran tender.

6.2 Pemeriksaan dan pengukuran semula boleh dibuat semasa **lawatan tapak** seperti ditetapkan di bawah:

Tarikh : 7 Februari 2024, Jumaat
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Pejabat Labuan FSA, Tingkat 17, Menara Utama, Ujana Kewangan, 87000 WP Labuan

6.3 Syarikat hendaklah memaklumkan dan mengesahkan kehadiran anda dengan menghubungi pegawai di bawah:

Pn Raja Hazrina Zaity
Nombor telefon: 03-2780 3326
Emel: hazrina@labuanfsa.gov.my

En Shahrin Jainudin
Nombor telefon: 03-8873 2081
Emel: shahrin@labuanfsa.gov.my

7.0 ARAHAN KEPADA SYARIKAT YANG BERJAYA

- 7.1 Syarikat hendaklah mematuhi arahan penyelia di tapak kerja terutamanya dalam perkara kebersihan dan keselamatan.
- 7.2 Syarikat hendaklah menanggung rugi terhadap apa-apa tuntutan sekiranya ianya berlaku disebabkan atas kecuaiian Syarikat semasa melaksanakan kerja-kerja berkenaan seperti kecederaan atau kematian mana-mana orang atau kerosakan terhadap apa-apa harta yang dipunyai oleh sesiapa pun.
- 7.3 Syarikat hendaklah membersihkan sisa-sisa bahan binaan, kotoran, sampah dan sebagainya di lokasi dan persekitaran pembinaan pada setiap hari selepas kerja harian ditamatkan.
- 7.4 Syarikat hendaklah memastikan semua pekerja sentiasa mematuhi peraturan keselamatan dan disiplin serta hanya berada/ memasuki ruang kerja yang berkaitan sahaja.
- 7.5 Syarikat dibenarkan untuk melaksanakan kerja-kerja ubahsuai pada waktu malam (selepas waktu Pejabat) dan pada hari cuti hujung minggu (Sabtu & Ahad).
- 7.6 Labuan FSA berhak menamatkan kontrak kerja sekiranya:
- Syarikat gagal menyiapkan kerja dalam tempoh yang telah dipersetujui tanpa sebab yang munasabah.
 - Kerja yang sedang berjalan terlalu lambat tanpa sebarang sebab yang munasabah.
 - Syarikat gagal memenuhi keperluan dan arahan oleh Labuan FSA.
 - Syarikat diisytiharkan muflis.

8.0 TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)

- 8.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) untuk tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan selepas tarikh kerja diperakukan siap. Syarikat hendaklah mengeluarkan satu surat DLP dan surat penyerahan tapak kepada Labuan FSA setelah selesai kerja-kerja baik pulih.
- 8.2 Syarikat dipertanggungjawabkan untuk memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Labuan FSA dan dalam masa yang berpatutan. Segala kos adalah di bawah tanggungjawab Syarikat.

9.0 TEMPOH SAH DOKUMEN SEBUT HARGA

- 9.1 Tempoh sah laku sebut harga yang ditawarkan adalah dalam tempoh 60 hari dari tarikh tutup tawaran sebut harga ini.

10.0 PENUTUP

- 10.1 Syarikat diingatkan supaya mematuhi sepenuhnya semua syarat sebut harga termasuk melengkapkan maklumat dalam dokumen/boring yang berkaitan. Kegagalan mematuhi mana-mana arahan/syarat di dalam tawaran ini boleh menyebabkan sebut harga yang dikemukakan tidak akan dipertimbangkan.
- 10.2 Untuk maklumat lanjut berkenaan dengan tawaran sebut harga ini, sila berhubung dengan pegawai dibawah:

Encik Shahrin Jainudin

Tel. No : 03-8873 2081

Email : shahrin@labuanfsa.gov.my

Encik Robin Patrick M Mangkah

Tel. No : 03-8873 2082

Email : robin@labuanfsa.gov.my



BIDDER'S DECLARATION

KERJA-KERJA BAIK PULIH SILING DAN DINDING DI PEJABAT LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN (LABUAN FSA) (RFQ 24/0014)

Saya, _____ No Kad Pengenalan/Pasport _____ mewakili _____ dengan nombor pendaftaran _____, dengan ini mengisytiharkan bahawa saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini:

- i. Tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberi sebarang rasuah kepada mana-mana kakitangan Labuan FSA atau mana-mana individu lain, sebagai rasuah untuk dipilih dalam sebut harga/tender ini*; dan
- ii. Tidak akan melakukan atau terlibat dalam penipuan bida dalam sebut harga/tender* ini.

Bersama-sama ini dilampirkan Surat Kebenaran, yang memberi kuasa kepada saya untuk membuat pengisytiharan ini sebagai wakil bagi syarikat yang disebutkan di atas.

2. Jika saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini, didapati terlibat dalam perjanjian bidaan palsu dengan syarikat lain mengenai perolehan atau tawaran di atas, berjanji atau memberi sebarang rasuah kepada mana-mana kakitangan Labuan FSA atau mana-mana orang lain sebagai insentif untuk dipilih di dalam aktiviti perolehan ini, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju bahawa tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Kehilangan kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Tindakan undang-undang lain selaras dengan prosedur perolehan Kerajaan Malaysia yang berkuat kuasa.

3. Saya faham bahawa tindakan berikut akan diambil:

- 3.1 Akan didakwa atas kesalahan** di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] dan boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing kerana kegagalan saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini mematuhi dengan (i); atau
- 3.2 Tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] kerana kegagalan saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) di dalam Perisytiharan ini. Jika syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat itu boleh dikenakan denda yang tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusingan modal sepanjang tempoh pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba mendapatkan atau meminta sebarang rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai insentif untuk dipilih dalam aktiviti sebut harga/tender* ini, saya akan dengan kadar segera melaporkan kesalahan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau di balai polis berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah seksyen 25(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25(2) akta yang sama dan apabila sabit kesalahan, saya saya boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh (10) tahun atau kedua-duanya;

5. Saya faham dengan sewajarnya bahawa jika syarikat melakukan kesalahan atau jika individu(s) yang dikaitkan dengan syarikat itu*** memberi, berjanji atau menawarkan rasuah untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A Malaysia Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694], jika sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh (10) kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada dua puluh (20) tahun atau kedua-duanya sekali.

Yang benar,

Nama :
No kad pengenalan/passport :
Tandatangan :
Tarikh :
Cap Rasmi Syarikat :

Nota:

1. *Potong mana yang berkenaan.
2. **termasuk kesalahan yang ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrifan "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.
3. ***seseorang yang dikaitkan dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A(6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu dikaitkan dengan organisasi komersial termasuk: (a) Pengarah, rakan kongsi atau pekerja organisasi komersial; (b) mana-mana orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
4. Pengakuan ini hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan Surat Kebenaran.
5. Takrif perusahaan di bawah Akta 712 termasuk syarikat yang terlibat dalam perolehan Kerajaan.



BORANG PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN OLEH PERUNDING

**KERJA-KERJA BAIK PULIH SILING DAN DINDING DI PEJABAT LEMBAGA
PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN (LABUAN FSA) (RFQ 24/0014)**

Saya, K/P/Pasport Sebagai pemilik
..... dengan Nombor Pendaftaran
..... dengan ini mengaku bahawa saya atau mana-mana
individu) yang mewakili firma ini tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberi sebarang
rasuah atau pengaruh kepada mana-mana individu di Labuan FSA atau mana-mana individu
lain, sebagai insentif untuk mendapatkan perolehan ini.

1. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba mendapatkan atau meminta sebarang rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai insentif untuk dipilih dalam aktiviti perolehan ini, saya akan segera memfailkan aduan kepada Malaysian Anti - Pejabat Suruhanjaya Rasuah (SPRM) atau di balai polis berhampiran. Saya sedar kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah seksyen 25(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25(2) akta yang sama. Apabila sabit kesalahan, saya boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh (10) tahun atau kedua-duanya;
2. Saya faham bahawa kegagalan saya atau mana-mana individu yang mewakili firma ini untuk mematuhi perkara (1) dalam Perisytiharan ini boleh menyebabkan saya atau mana-mana individu yang mewakili firma ini didakwa atau didakwa atas suatu kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] dan boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing.
3. Saya faham dengan sewajarnya bahawa jika syarikat melakukan kesalahan atau jika individu yang dikaitkan dengan syarikat** memberi, berjanji atau menawarkan rasuah untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A Akta Anti Malaysia. -Akta Suruhanjaya Rasuah 2009 [Akta 694], jika sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh (10) kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada dua puluh (20)) tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Nama :

No. KP / No. Paspot :

Tandatangan :

Tarikh :

Cop Syarikat :

Nota:

- (i) *termasuk kesalahan yang ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrifan "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.
- (ii) **seseorang yang dikaitkan dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang yang dikaitkan dengan organisasi komersial termasuk: (a) Pengarah, rakan kongsi atau pekerja organisasi komersial; (b) mana-mana orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Pengakuan ini hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan Surat Kebenaran.



PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN

**KERJA-KERJA BAIK PULIH SILING DAN DINDING DI PEJABAT LEMBAGA
PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN (LABUAN FSA) (RFQ 24/0014)**

Nama Syarikat	
Nombor Pendaftaran Syarikat	

Saya, _____ (Nombor Kad Pengenalan) _____), wakil kepada Syarikat _____, dengan ini mengisytiharkan bahawa:

Ya	Tidak	Pengisytiharan
		Syarikat mempunyai penglibatan dalam menasihati Labuan FSA berkenaan dengan perkara di bawah skop penilaian seperti yang dinyatakan di dalam tawaran tender ini.
		Labuan FSA mempunyai pengaruh yang ketara ke atas Syarikat berkenaan dengan keputusan kewangan dan operasi milik Syarikat.
		Syarikat dikawal oleh Labuan FSA berdasarkan pegangan saham dari segi kewangan atau apa-apa pengurusan secara langsung atau tidak langsung, Syarikat merupakan anak Syarikat kepada Labuan FSA.
		Pengarah atau seseorang yang mempunyai pengaruh ke atas Syarikat merupakan ahli keluarga terdekat kepada Pengurusan Kanan di Labuan FSA atau ahli Lembaga Pengarah Labuan FSA atau kakitangan di Labuan FSA.

Bil	Nama	Jawatan di Syarikat	Nama Pengurusan Kanan di Labuan FSA atau kakitangan Labuan FSA	Hubungan
1.				
2.				

Saya dengan ini mengaku bahawa saya telah membaca borang ini dengan teliti. Saya dengan ini mengesahkan kesemua maklumat yang diisi dan dibenarkan adalah benar.

Tandatangan	
Nama	
Jawatan di Syarikat	
Tarikh	

*	"Ahli Keluarga Terdekat" merujuk kepada pasangan, anak-anak dan pasangan mereka, tanggungan, ibu bapa, ibu bapa mertua, adik-beradik, pasangan adik-beradik dan anak-anak mereka.
**	"Pengurusan Kanan" merujuk kepada Ahli Lembaga atau Pengarah Labuan FSA.



NOTIS PRIVASI PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (PDPA) UNTUK PEMBEKAL/PERUNDING/ KONTRAKTOR

Kami, **Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan** ("Labuan FSA") sebagai pengguna data (selepas ini dirujuk sebagai "Kami") komited untuk mengekalkan kerahsiaan, keselamatan dan integriti data peribadi yang dibekalkan oleh anda sebagai subjek data kepada kami. Selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA"), Notis Privasi ini bertujuan untuk menyatakan cara kami berurusan dengan data peribadi dan pilihan yang tersedia untuk anda mengakses atau menghadkan akses kami kepada data peribadi. Anda juga bersetuju untuk mematuhi PDPA berhubung dengan sebarang data peribadi yang kami berikan kepada anda.

Jika anda merupakan syarikat yang membekalkan kami data peribadi individu tertentu (seperti pengarah, pemegang saham, pegawai atau pekerja anda), perkataan "data peribadi" dalam Notis Privasi ini hendaklah termasuk data peribadi individu tersebut. Anda dikehendaki mendapatkan persetujuan masing-masing sebelum mendedahkan data peribadi mereka kepada kami dan dengan mendedahkannya, kami akan menganggap bahawa anda berbuat demikian mengikut PDPA.

1. Jenis data peribadi yang dikumpul dan diproses oleh kami adalah seperti berikut:
 - Nama, nombor kad pengenalan/pasport, jantina, kewarganegaraan, tarikh lahir, status pemastautin, status perkahwinan, alamat, nombor yang boleh dihubungi, alamat e-mel, butiran pekerjaan dan maklumat kewangan;
 - Data peribadi daripada agensi kerajaan;
 - Data peribadi daripada agensi pelaporan kredit atau pembekal perkhidmatan yang serupa;
 - Maklumat lain yang berkaitan yang mungkin kami perlukan untuk anda memberikan kami produk/perkhidmatan tersebut.

2. Data peribadi yang dikumpul adalah untuk tujuan berikut:
 - Menilai permohonan anda sebagai vendor, perunding, pembekal perkhidmatan, pembekal dan kontraktor kami;
 - Memproses data peribadi anda bagi tujuan penyediaan produk/perkhidmatan;
 - Menjalankan semakan kredit dengan agensi pelaporan kredit;
 - Memeriksa bagi pencegahan pengubahan wang haram dan pembiayaan aktiviti keganasan;
 - Menjawab pertanyaan anda seperti permintaan akses data dan memudahkan operasi harian kami;
 - Tujuan penyelidikan termasuk sejarah dan statistik;
 - Siasatan terhadap aduan, transaksi yang disyaki mencurigakan dan penyelidikan untuk penambahbaikan perkhidmatan atau barangan;
 - Untuk mematuhi keperluan undang-undang atau peraturan atau seperti yang dibenarkan oleh pihak Kerajaan;
 - Pengurusan risiko; dan/atau
 - Untuk tujuan lain yang telah bersetuju bersama.

Data peribadi yang dikumpul akan disimpan oleh kami untuk tempoh yang dibenarkan/diperlukan di bawah undang-undang Malaysia, yang mana tempoh ini mungkin berlanjutan sehingga selepas tamat perjanjian.

3. Data peribadi yang dikumpul adalah Sulit dan kami mengekalkan keselamatan data tersebut:
- Sistem kawalan keselamatan yang mencukupi untuk melindungi kerahsiaan dan keselamatan data peribadi anda;
 - Akses kepada data peribadi anda oleh kakitangan kami adalah di atas dasar yang perlu diketahui dan hanya diberikan kepada Pegawai yang telah diberi kuasa untuk akses; dan
 - Apabila pembekal perkhidmatan pihak ketiga, ejen atau kontraktor dilantik untuk menyediakan produk atau perkhidmatan kepada kami, kami memastikan pihak ketiga ini mematuhi langkah keselamatan yang sama.
4. Data peribadi anda tidak akan didedahkan kepada orang luar kecuali kepada pihak-pihak yang disenaraikan seperti di bawah:
- Pegawai, pekerja, perunding, penasihat, pembekal perkhidmatan pihak ketiga dan ejen kami untuk tujuan yang berkaitan dengan permohonan anda untuk dan/atau penglibatan anda sebagai vendor, perunding, kontraktor, pembekal perkhidmatan atau pembekal kami;
 - Mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga, ejen atau kontraktor yang telah dilantik oleh kami untuk menyediakan produk/perkhidmatan berhubung dengan perniagaan kami, sama ada di dalam atau di luar Malaysia tertakluk kepada kawalan keselamatan yang mencukupi ke atas maklumat tersebut;
 - Mana-mana penerima serah hak sebenar atau yang dicadangkan, penerima pindahan, peserta atau sub-peserta hak atau perniagaan syarikat;
 - Mana-mana orang yang kami bertanggungjawab untuk membuat pendedahan di bawah keperluan mana-mana undang-undang, peraturan, perintah mahkamah, kod amalan atau garis panduan yang mengikat kami termasuk, mana-mana pengawal selia yang berkenaan, badan kerajaan atau industri yang diiktiraf badan, dan jika sebaliknya dikehendaki oleh undang-undang; dan
 - Kepada pihak-pihak yang dibenarkan di bawah undang-undang Malaysia.
5. Hak dan pilihan:
- Individu mempunyai hak untuk meminta akses kepada data peribadi yang disimpan oleh kami.
 - Bagi tujuan ini, anda boleh meminta Borang Permintaan Akses Data Peribadi daripada pegawai di bawah. Kami mungkin akan mengenakan bayaran pentadbiran untuk memproses permintaan anda.
 - Anda mempunyai hak untuk meminta pembetulan data peribadi anda yang disimpan oleh kami sekiranya maklumat itu tidak tepat, tidak lengkap atau tidak dikemas kini. Bagi tujuan ini, sila berhubung dengan pegawai di bawah dengan memberikan maklumat lanjut berkenaan dengan:
 - (i) maklumat pengenalan anda (cth. Nombor akaun, jenis produk/perkhidmatan yang dibekalkan, nombor kad pengenalan);
 - (ii) menyatakan maklumat yang tidak tepat; dan
 - (iii) menyatakan maklumat yang perlu dikemas kini/dibetulkan.
 - Kami berhasrat untuk menyimpan data peribadi anda dalam rekod kami dengan tepat, lengkap dan terkini. Selaras dengan PDPA, kami mungkin menolak untuk mematuhi permintaan anda untuk akses atau pembetulan dalam keadaan tertentu seperti yang dinyatakan dalam PDPA.

6. Pindaan dan Hubungan Selanjutnya:

- Sebarang pindaan kepada Notis ini akan dimaklumkan kepada anda dari masa dari semasa ke semasa, yang mungkin memerlukan persetujuan anda.
- Sebarang aduan boleh disalurkan ke alamat berikut:

Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan

Tingkat 17, Menara Pejabat Utama

Ujana Kewangan

Jalan Merdeka

87000 Labuan, Malaysia.

Maklumat pegawai yang boleh dihubungi:

Jabatan Undang-undang dan Penguatkuasaan

Nama : En. Md Zainizam Mat Jenu

Jawatan : Ketua Unit, Bahagian Undang-Undang

Emel : zainizam@labuanfsa.gov.my

- Sila akui penerimaan Notis Privasi ini dengan menandatangani salinan pendua di bawah dan dikembalikan kepada kami bersama-sama dengan dokumen tender.

Terima kasih.

Tarikh: 5 Februari 2025

Pihak kami mengakui penerimaan Notis Privasi di atas dan dengan ini bersetuju untuk Labuan FSA menggunakan, memproses, mendedah dan meminda data peribadi saya/kami bagi tujuan di atas.

Yang benar,

Nama :

Tarikh :

[KEPALA SURAT SYARIKAT]

PENGISYTIHARAN MENGENAI SEMUA LITIGASI

Kepada:

Bahagian Perolehan
Unit Pengurusan Fasiliti
Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan
Tingkat 17, Menara Utama
Ujana Kewangan
87000 Labuan.

KERJA-KERJA BAIK PULIH SILING DAN DINDING DI PEJABAT LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN (LABUAN FSA) (RFQ 24/0014)

Kami dengan ini mengesahkan dan mengisytiharkan bahawa kami, _____, tidak mempunyai sebarang litigasi / Sejarah Timbang Tara* dengan mana-mana jabatan Kerajaan/ Aku janji Sektor Awam/ Sektor Swasta* atau mana-mana agensi lain yang telah kami laksanakan/ menjalankan kerja/ perkhidmatan* dalam tempoh 5 tahun yang lalu.

Yang benar,

Nama:

Cop rasmi Syarikat:

Tarikh:

Nota:

*Potong yang mana tidak berkenaan.



Vendors Whistleblowing Guidelines

- 1) Labuan Financial Services Authority (Labuan FSA) is opposed to all forms of fraud, corruption, and malpractice, whether arising from within or outside Labuan FSA or from vendors. If the vendors have any concerns about suspected malpractice, Labuan FSA encourages them to raise the issue. Labuan FSA will take your concerns seriously and wish to encourage you to report any suspected fraud or corruption.

- 2) Submission of concern:
 - (i) Any report about suspected or potential malpractice can be submitted to:

<p style="text-align: center;">Director General Labuan Financial Services Authority Level 17, Main Office Tower Financial Park Complex Jalan Merdeka 87000, Labuan F.T. (Tel: 03-8873 2000 / Fax: 03-8873 2208)</p> <p style="text-align: center;">Email: dg_wb@labuanfsa.gov.my</p>

- (ii) For submitted by letter, place letter in a sealed envelope with the words **"Strictly Confidential. To be opened by Addressee only [name and address of the DOJ]"** on the top left hand corner of the envelope.

- 3) Confidentiality:
 - (i) Labuan FSA will treat all reports in a confidential and sensitive manner. The identity of the whistleblower is required when making a report, to better place an investigation into the report. This is to respect the authority of the Labuan FSA and integrity of its employees.

 - (ii) However, Labuan FSA will respect and protect the confidentiality of the whistleblower and hereby gives assurance that it will not reveal the identity of the whistleblower to any third party not involved in the investigation or prosecution of the matter. The whistleblower making the report will retain anonymity to all other employees and public unless he/she agrees otherwise.

The assurance of confidentiality can only be completely effective if the whistleblower likewise maintains confidentiality.

- (iii) Anonymous concerns will be much more difficult for Labuan FSA to look into the matter or protect your position. Investigations into anonymous allegations are likely to be limited by the sufficiency of the information provided. Anonymous referrals will be followed up at the discretion of the Labuan FSA. In exercising that discretion, the factors that will be taken into account will include:
 - The seriousness of the matters raised.
 - The sufficiency and detail of information provided.
 - The credibility of the concern; and
 - The likelihood of confirming the allegation and obtaining further evidence from attributable sources.
- 4) Labuan FSA's Commitment:
- (i) Upon notification, Labuan FSA will look into it to assess and take action.
 - (ii) You will be notified who is handling the matter, how you can contact them, and whether further assistance may be needed.
 - (iii) Where relevant, the whistleblower may be requested to submit evidence and documents. Any meeting arranged will be conducted discreetly and, if necessary, off-site or out of Labuan FSA's premises.



GARIS PANDUAN ETIKA PEMAKAIAN BAGI PEMBEKAL/KONTRAKTOR

1.0 Objektif

Garis panduan ini diterbitkan untuk dijadikan rujukan kepada pihak pembekal/kontraktor supaya wujud kesegaraman dan konsistensi cara berpakaian dan penampilan diri ketika memasuki pejabat Labuan FSA.

2.0 Panduan Pakaian

Berikut merupakan panduan pemakaian bagi urusan rasmi di pejabat Labuan FSA samaada ketika lawatan tapak, taklimat projek, penyerahan dokumen tender atau sebut harga, atau menghadiri mesyuarat:

- Pembekal/kontraktor adalah dinasihatkan berpakaian kemas, bersih dan sesuai dengan amalan masyarakat Malaysia dan mematuhi etika berpakaian yang telah ditetapkan oleh Labuan FSA.
- Pakaian yang dibenarkan adalah pakaian yang sopan seperti baju kemeja, baju T-berkolar, kasut, seluar panjang, dan skirt panjang di bawah paras lutut. Seluar jeans adalah dibenarkan dengan syarat ianya tidak koyak atau lusuh.
- Pembekal/kontraktor dilarang daripada berpakaian tidak sopan dan yang terlalu mendedahkan tubuh atau menjolok mata seperti berikut:
 - ✓ Berskirt atas paras lutut atau berseluar pendek
 - ✓ Berbaju tanpa lengan
 - ✓ Berseluar/berskirt terlalu ketat
 - ✓ Berselipar

Berikut merupakan panduan pemakaian ketika kerja-kerja penyelenggaraan, pembinaan, pembaikan, atau pengubahsuaian:

- Bagi kerja-kerja pembinaan, pembaikan, penyelenggaraan atau pengubahsuaian:
 - ✓ Pembekal/kontraktor adalah dinasihatkan berpakaian kemas, selamat, bersih dan sesuai dengan kerja-kerja yang dibuat.
 - ✓ Pembekal/kontraktor hendaklah memastikan keselamatan pekerja terjaga. Pemakaian kasut atau but keselamatan dan topi keselamatan adalah diwajibkan. Pemakaian selipar adalah dilarang sama sekali.
 - ✓ Memakai tali pinggang keselamatan bagi kerja-kerja yang melibatkan tempat tinggi.
 - ✓ Pemakaian sarung tangan adalah digalakkan untuk melindungi tangan daripada sebarang kecederaan.
- Bagi kerja-kerja pembersihan pejabat:
 - ✓ Adalah menjadi tanggungjawab pembekal/kontraktor untuk membekalkan pekerja uniform supaya mudah dikenalpasti dan mengekalkan keseragaman.
 - ✓ Uniform tersebut hendaklah sentiasa dipakai semasa di dalam pejabat Labuan FSA.

3.0 Pematuhan Garis Panduan

Pelawat yang tidak mematuhi etika berpakaian di atas boleh dilarang dari memasuki pejabat Labuan FSA